

Usaha kembalikan roh negara merdeka

Pemuliharaan
teliti dilakukan
untuk manfaat
semua pihak

Oleh **Hazwan Faisal Mohamad**
hazwanfaisal@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pemuliharaan Seri Negara oleh Khazanah Nasional Bhd bukan sekadar usaha membaik pulih bangunan bersejarah, sebaliknya adalah simbol usaha mengembalikan jati diri, maruah dan roh kemerdekaan negara daripada legasi penjajahan, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, usaha itu juga menjadi manifestasi konsep Negara MADANI yang menekankan keterangkuman, akses rakyat dan pemerataan sejarah, seni serta budaya tempatan.

"Pemuliharaan ini bukan hanya menyentuh rangka fizikal atau nilai seni bina, tetapi menyelongkar makna kemerdekaan, pengalaman sejarah dan harga yang telah dibayar oleh generasi terdahulu untuk sebuah negara merdeka," katanya ketika berucap merasmikan majlis penyempurnaan pemuliharaan Seri Negara, di sini semalam.

Berangkat hadir ke majlis itu, Tunku Besar Seri Menanti, Tun-

ku Ali Redhaudin Tuanku Muhriz.

Turut hadir, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan; Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar dan Pengarah Urusan Khazanah Nasional Berhad (Khazanah), Datuk Amirul Feisal Wan Zahir.

Perdana Menteri berkata, tapak berkenaan suatu ketika dahulu menjadi simbol keunggulan kuasa penjajah British, malah pernah dianggap sebagai lambang elitisme yang terpisah daripada denyut nadi rakyat.

Katanya, meskipun negara mencapai kemerdekaan hasil pengorbanan besar ibu bapa dan nenek moyang, simbol kekuasaan penjajah masih kekal berdiri megah, sekali gus menimbulkan persoalan mengenai makna sebenar kebebasan dan jati diri nasional.

"Sebab itu, semasa saya muda remaja, saya anggap ini suatu kelompongan, kelemahan. Negara kita merdeka, bapa-bapa, ibu-ibu kita menabur jasa yang besar, merempuh kekuatan raksasa Inggeris yang memerdekakan negara.

"Tapi masih ada simbol yang gagah perkasa atas bukit yang maha tinggi di sekitar Kuala Lumpur yang melambangkan keunggulan penguasa penjajah.



Anwar bersama Tunku Ali Redhaudin pada majlis penyempurnaan pemuliharaan Seri Negara di Kuala-Lumpur, semalam. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

Dan sebab itu, kami pada masa itu membantah dan mendesak pada 1982 supaya kerajaan Malaysia mengambil alih dengan cara proses yang adil, memindahkan tempat warisan penjajah ini ke tempat yang lain.

"Perdana Menteri masa itu, Tun (Dr) Mahathir, bersetuju dan kemudian diiktiraf sebagai milik negara, tetapi kerana kesedaran tentang erti keunggulan dan keupayaan kita membina suatu simbol yang mengembalikan jati diri itu mungkin kurang.

"Maka ia agak terbiar, ada proses pengendalian swasta yang menyebabkan ia lemah dan luntur. Sebab itu, saya hargai benar peranan Khazanah dan rakan-rakan yang membantu memberikannya simbol," katanya.

Anwar berkata, pemuliharaan Seri Negara dilakukan teliti dengan kemahiran dan kepakaran tersendiri yang dapat dimanfaatkan semua lapisan masyarakat, sekali gus menjadi kebanggaan.

Siap dalam tempoh 10 bulan

Sementara itu, Pengarah Urusan Khazanah Nasional Bhd, Datuk Amirul Feisal Wan Zahir, berkata pemuliharaan bangunan Seri Ne-

gara yang berusia lebih 112 tahun berjaya disiapkan hanya dalam tempoh 10 bulan tetapi mengakui proses itu tidak mudah, lebih-le-

bih lagi membabitkan bangunan warisan kategori 1, di mana syarat pemuliharaan sangat ketat, katanya.